

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HKA 101 - Pengantar Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. SATU soalan daripada **Bahagian A** dan TIGA soalan lain dipilih daripada **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

Bahagian A

1. M. H. Abrams dalam karyanya 'Orientation of Critical Theories' telah merumuskan bahawa keseluruhan teori-teori kritikan kesusasteraan lama dan baharu dapat digolongkan kepada kategori-kategori yang berdasarkan kepada kecenderungan koordinat kesusasteraan. Bincangkan pernyataan di atas.
2. Apakah yang anda fahamkan dengan istilah pendekatan kritikan ekstrinsik dan kritikan intrinsik. Dengan contoh-contoh yang jelas dari sudut unsur-unsur kesusasteraan dan jenis-jenis kritikan bincangkan kewajaran satu-satu pendekatan tersebut.

Bahagian B

3. Cerpen "Mereka Tidak Mengerti" oleh Keris Mas merupakan sebuah cerpen yang berjaya meninggalkan kesan yang mendalam bukan sahaja dalam isinya bahkan dari segi seni olahannya. Bincangkan pernyataan di atas.

4. Salah satu cara menghidupkan karyanya pengarang mengeksploitasi aspek-aspek luaran dan psikologi wataknya. Berdasarkan kepada cerpen Ali Majod berjudul "Pensel Sebatang" **atau** cerpen Yusuf Sharouni berjudul "Lelaki dan Ladangnya" bincangkan bagaimana pengarang melukiskan watak-watak dari segi aspek luaran dan jiwanya untuk meninggalkan kesan kepada pembaca.
5. Ali Jusoh melalui novelnya berjudul *Suami* mengadunkan fikiran dan jiwa watak-wataknya dengan cara yang halus bagi menggambarkan suasana 'bulan madu' antara suami isteri. Bincangkan pernyataan di atas.
6. *TOTTO-CHAN Gadis Kecil di Jendela* karya Teksuko Kuroyanagi cuba menggambarkan cebisan-cebisan pengalaman kanak-kanak yang mengalami kesuburan rasa cintanya kepada cara persekolahan yang luar dari konvensyen tetapi terbantut oleh tangan takdir. Bincangkan keberkesanan gambaran pengarang terhadap pengalaman di atas.

Bahagian C

7. Baca sajak "Hong Kong" oleh W. S. Rendra yang dilampirkan. Berdasarkan kritikan semiotika apakah corak pembacaan yang perlu anda lakukan dalam menganalisis sajak itu? Huraikan tentang kod-kod bahasa yang dapat anda perhatikan dalam sajak tersebut dan kemudian kategorikan ayat-ayat atau kata-kata dalam sajak "Hong Kong" kepada kod-kod tersebut mengikut kritikan semiotika.
8. Unsur-unsur alam kerap mendapat perhatian penyair-penyair tetapi dengan persepsi yang berbeza-beza. Berdasarkan sajak Latiff Mohidin berjudul "Sungai Kelang" dan sajak "Batu-Batu" oleh Muhammad Haji Salleh seperti yang dilampirkan, bincangkan pernyataan di atas. Bincangkan juga perbezaan aspek stail dan bahasa kedua-dua sajak tersebut.

Lampiran A

[HKA 101]

Lampiran A

HONG KONG

Di Hong Kong kita tersenyum, menegur sapa, (1)
tapi mereka memandang kita dengan curiga. (2)
Bagai si pandir atau si gila di hina. (3)

Di kota ini setiap orang jadi serdadu (4)
kerna setiap jengkal tanah adalah medan laga. (5)
Di jalan yang ramai dan di mana-mana tulisan Tionghoa (6)
para pelacur menggedel dan menawarkan bencana. (7)
Tuhan dan pengkhianatan mempunyai wajah yang sama. (8)
Tak ada mimpi kecuali yang dasyhat dan mutlak mimpi (9)
berkilat-kilat serta nyaring bagai tembaga (10)
terbayang dalam dada atau pun wajah kuli yang suka (11)
berkelahi (12)
Tak ada orang asing di sini. (13)
Setiap orang adalah asing sejak mula pertama. (14)
Orang-orang seperti naga. (15)
Tanpa sanak, tanpa keluarga. (16)
Setiap orang bersiap dengan kukunya. (17)
Kita bebas untuk pembunuhan (18)
tetapi tidak untuk kepercayaan. (19)

Orang di sini sukar di duga (20)
Bagai kanak-kanak suka uang dan manisan. (21)
Bagai perempuan suka berlian dan pujian. (22)
Bagai orang tua suka candu dan batu dadu. (23)
Dan bagai rumah terkunci pintunya. (24)
Sukar dibuka. (25)

Tapi sekali dijumpa kuncinya (26)
terbukalah pintu hati (27)
manusia biasa. (28)

**Rendra. 1975. *Sajak-Sajak Sepatu Tua*
Jakarta:**

Lampiran B
..4/-

- 4 -

[HKA 101]

Lampiran B

LATIFF MOHIDIN

SUNGAI KELANG

ia merangkak
dengan lidah terjulur
di tengah kota
dengan dada penuh nanah

(ia telah lupa bagaimana
sungai bisa menari
dan menyanyi
dengan rambut terbuka
atau menggeliat dan melambai
di tengahari
dengan hati terbuka
sambil tersenyum)

o bunda sungai
dari kota peraja
siapakah yang meratapmu
kalau tidak hujan
yang membawa segala
kotoran meringat daki
dari hari dan matari

ia tetap merangkak
dalam kesunyiannya
dan menerima segala
sisa kota dan manusia
tapi cintanya pada bumi
tidak mau terbagi
walau kota ini nanti
tidak berpenghuni
dan di atas dadanya
tersusun tulang tengkorak
ia tetap merangkak
dan merangkak

163

164

..5/-

Lampiran C

MUHAMMAD HAJI SALLEH

Batu-batu

Batu-batu ini ada masyarakatnya-
tegak atau berbaring di kaki langit
mereka hidup dan mati
dalam undang-undang batu.

berhenti di situ
di suatu petang merah dan sunyi
kurasa seperti sampai di kampung
suatu makhluk aneh-
kehidupan mengalir
dengan alun dan ombaknya
ketul-ketul tegak sendiri
megah mematahkan benang
di antara langit dan bumi.

waktu dengan kaki lebarnya
berlalu di antara mereka,
perlahan, menyerap ke dalam
jasad dan sambungan lapisan.
dan seperti sel-sel tumbuhan
beranakkan batu
yang merosot ke bawah
dan berkumpul di lubang.

167

yang besar di atas
yang kecil di bawah,
yang besar akan jadi kecil
yang kecil akan lebih kecil
yang jatuh dari atas pecah.
yang tertahan dengan hati batu
yang kecewa dan kecil di dalam bayang

mereka tau tempatnya,
faham akan undang-undang wujudnya.

168

- ooo 0 ooo -